

Company Name : Destini Berhad
Date : 31 May 2016
Source : Utusan Malaysia

Pendapatan Destini meningkat sekali ganda

SHAH ALAM 30 Mei - Destini Berhad mencatat keuntungan bersih RM7.16 juta bagi suku pertama tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 berbanding tempoh sama tahun lalu sebanyak RM850,000.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Rozabil Abdul Rahman berkata, peningkatan berganda itu disumbangkan oleh permintaan daripada penyelenggaraan penerbangan, pembaikan dan baik pulih (MRO) serta pengeluaran marin.

Menurutnya, sepanjang tempoh tersebut juga pendapatan yang dijana Destini turut meningkat sekali ganda daripada RM38 juta kepada RM81.8 juta.

"Perkembangan ini diperolehi menerusi pengeluaran marin merangkumi kontrak bernilai RM381.3 juta bagi membekalkan enam kapal peronda untuk keperluan agensi kerajaan sehingga 2018," katanya selepas mesyuarat agung tahunan Destini di sini hari ini.

Ditanya mengenai perancangan terkini syarikatnya, Rozabil memberitahu, selain kontrak tempatan dengan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Destini bakal memeterai perjanjian persefahaman bersekutu dengan



ROZABIL ABDUL RAHMAN (kanan) dan Ketua Pegawai Kewangan Destini Berhad, **Ismail Mustafa** mengadakan sidang akhbar selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di Shah Alam, semalam.

Advanced Military Maintenance Repair and Overhaul Center (AM-MROC) yang berpejabat di Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Jelas beliau, tempoh kontrak ditandatangani bersama AM-MROC yang menjalankan kerjasama MRO dengan Tentera Udara UAE adalah selama 10 tahun bermula Julai ini.

Katanya, butiran mengenai

kontrak terbabit akan diumumkan tidak lama lagi.

Mengenai satu lagi segmen yang menjadi penyumbang utama kepada perniagaan Destini iaitu marin, Rozabil menjelaskan, pihaknya sedang mengintai peluang untuk menjalankan kerja-kerja pemasangan kapal yang lebih besar serta kompleks dari segi kejuruteraan dan teknologi.